

Jenis Akhbar : Majoriti 7  
Tarikh : 18/01/2024  
Edisi / Muka Surat : Nasional /34  
Tajuk : Bukan sekadar menjual barang



Antara pengunjung lain yang memakai pakaian sekolah.

## Bukan sekadar menjual barang

KELAB Belia Kreatif Mont Kiara (Kelab Kreatif Malaya) baru-baru ini telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Moods Fest 2024 sebagai platform menyokong usahawan-usahawan muda.

Acara yang diadakan di Rumah Tangsi, Kuala Lumpur ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran pengunjung yang memakai tema uniform sekolah.

Selain itu, festival tersebut bukan semata-mata untuk menjual barangan sambil berhibur.

Tetapi mahu menjadikan Moods Fest 2024 sebagai tempat himpunan badan-badan kerajaan untuk membantu, melihat dan menyokong usahawan terutamanya golongan belia.

Pengerusi Kelab Belia Kreatif Mont Kiara, Nur Fazzila Rahim berkata, Moods akan memberi pendedahan bagaimana golongan muda ingin menyusun atur strategi atau kewangan untuk memulakan perniagaan.

"Kami sebagai NGO faham dengan segelintir usahawan muda yang kurang faham dengan selok belok dunia perniagaan. Misalnya, ingin membuat pinjaman wang, mereka tidak tahu saluran yang perlu dituju.

"Sebab itu, kami membawa sekali agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Malaysia (SME Corp), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) sama-sama terlibat bagi membantu golongan usahawan," katanya.

Pada masa sama, turut disediakan reruai khas buat individu yang mengalami kesihatan mental mendapatkan nasihat pakar untuk didiagnosis.

"Anak muda sekarang ramai yang tertekan tetapi tidak berani meluahkan. Jadi, mereka perlu bantuan pakar," jelasnya.

Fazillah turut melahirkan rasa gembira dengan kehadiran lebih 3,000 pengunjung sebagai tanda sokongan terhadap usahawan tempatan.

Bahkan, beliau bersyukur dengan sambutan yang diberikan terhadap anjuran acara sulungnya itu.

"Alhamdulillah, walaupun cuaca hujan tetapi pengunjung tetap datang dengan memakai pakaian tema *Kembali ke Sekolah*."

Sebanyak 33 vendor terlibat dengan pecahan 17 reruai yang menjual makanan, manakala 16 lagi vendor menjual barangan pakaian, beg dan alat solekan.

Pada awalnya, Moods Fest 2024 ingin dijadikan sebagai karnival tahunan sahaja. Bagaimanapun, beri-

Moods Fest 2024 sebagai tempat himpunan badan-badan kerajaan untuk membantu, melihat dan menyokong usahawan muda.



Pintu gerbang yang dibina khas untuk acara Moods Fest 2024.

kutan sambutan yang baik, penganjur merancang untuk mengadakan acara tersebut di luar Lembah Klang.

"Dengan adanya karnival keusahawanan seperti ini, kami berharap usahawan-usahawan muda lebih peka serta tahu fungsi badan-badan kerajaan agar dapat membantu mereka melebarkan perniagaan masing-masing," ujarnya.

Pada malam tersebut, acara ini dimeriahkan dengan persembahan artis tempatan seperti kumpulan Bunkface, Bunga Isme, Kumpulan FLQ dan Orkes A Hizadin.



Barangan Rasmi Moods Fest 2024.



Melukis dan mewarna antara aktiviti yang mendapat perhatian pengunjung.